

PM lancar kempen basmi dadah

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri melancarkan Kembara Kempen Membasmi Dadah anjuran Biro Membasmi Dadah Majlis Tertinggi Umno bersama Ford Malaysia selaras usaha parti mewujudkan kesedaran mengenai penyalahgunaan dadah.

Serentak majlis yang diadakan di Menara Datuk Onn di sini, semalam itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Presiden Umno turut melancarkan laman web rasmi biro berkenaan.

Hadir sama, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Setiausaha Kerja Umno, Brig Jen (B) Datuk Paduka Husainay Hashim dan Pengerusi Biro Membasmi Dadah Umno, Datuk Noh Omar.

Kembara kempen itu akan dijalankan selama setahun dan menjelajah ke seluruh negara dengan membawa mesej 'Bersama Membasmi Dadah'.

Skuad bergerak dengan kenderaan pacuan empat roda Ford Ranger itu akan dibahagikan kepada tiga zon iaitu Utara, Tengah dan Selatan berkempen menjelajah ke 1,440 destinasi tumpuan awam terpilih.

Turut menyertai kembara itu personaliti tanah air, artis tempatan dan pakar motivasi yang akan bertindak sebagai jurucakap kempen.

Lokasi yang akan menjadi sasaran kempen adalah tempat tumpuan awam seperti kompleks beli belah, pesta keramaian, karnival, ekspo, pusat hiburan, konsert dan persembahan kebudayaan, kolej, sekolah dan pusat rekreasi dan riadah seluruh negara.

Sementara itu, Noh pada sidang media selepas pelancaran itu berkata, biro berkenaan bersedia bekerjasama dengan pertubuhan, syarikat korporat serta orang perseorangan yang berminat serta menyumbang kepada program kembara berkenaan.

Katanya, sumbangan boleh dibuat menerusi laman web biro berkenaan www.birodadahumno.com atau talian 03-40424773.

Biro Membasmi Dadah Majlis Tertinggi Umno ditubuhkan antara lain diberikan tanggungjawab untuk menangani ancaman penagihan dadah pada peringkat akar umbi.

Biro berkenaan juga mengadakan kegiatan pencegahan melalui program kesedaran antara ahli UMNO dengan masyarakat umum terhadap ancaman penagihan dadah di negara ini.

Selain itu, biro berkenaan menubuhkan jawatankuasa kerja pada peringkat akar umbi bagi membantu pihak berkuasa dalam kegiatan pencegahan kegiatan penagihan dadah.